



**MAJLIS BANDARAYA IPOH**  
**PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut:-

- JAWATAN** : **JURUTERA**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **KEJURUTERAAN (J)**
- JADUAL GAJI (MIN – MAX)** : **GREED J41**  
RM2,529.00 – RM9,643.00
- TARAF JAWATAN / BILANGAN** : **TETAP / KONTRAK (1)**
- SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,529.00)
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN** : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbangkan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) di atas; atau
  - (ii) Lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/ Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56; atau

- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**FUNGSI BIDANG TUGAS** : Bertanggungjawab merancang dan menyelaras pembangunan sistem pengairan, bekalan air, khidmat kejuruteraan awam, aktiviti peningkatan mutu perkhidmatan kejuruteraan awam, projek-projek khas dan urusan pentadbiran am pejabat.

### **TEMPOH PERCUBAAN**

Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

### **PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan.

### **SYARAT TAMBAHAN**

Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dan mengadakan ujian-ujian tertentu sebagai tapisan dalam senarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian / temuduga.

### **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi atas talian (online) sahaja dengan melayari laman web rasmi Majlis Bandaraya Ipoh di [www.mbi.gov.my](http://www.mbi.gov.my) dan pemohon akan dihubungkan ke Portal Laman Web Rasmi Gerbang Mesra Rakyat Negeri Perak di bawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong.

Tarikh tutup permohonan : **06 MAC 2017.**

### **CATATAN AM**

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ujian / temuduga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Hanya calon-calon yang diperakui sihat untuk berkhidmat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar sahaja yang layak dilantik mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.